

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 1/1965.**

---

Perbicaraan.

Di dalam Undang-undang Tanah Negeri Terengganu Pemungut Hasil Tanah telah diberi kuasa untuk membicarakan perkara-perkara yang terkandung di dalam fasil-fasal 42,60 dan sebagainya sama ada Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar. Begitu juga di dalam undang-undang mengambil balik tanah, Pemungut Hasil Tanah telah ditugaskan dengan undang-undang untuk mendengar dan membicarakan perkara yang berkait dengan pengambilan balik tanah. Saya suka menyatakan di sini iaitu apakah mengadakan perbicaraan, sebelum membuat apa-apa keputusan, dan apakah setelah selesai mendapatkan kenyataan, Pemungut Hasil Tanah atau pendaftar hendaklah membuat sebab-sebab mendapat keputusan itu (Grounds of Decision) sebelum membuat perintah atau "order".

2. Perkara yang seumpama ini sangatlah mustahak diperbuat kerana mengikut fasil 138 (iv) tiap-tiap keputusan Pemungut Hasil Tanah/Pendaftar, melainkan ada disebutkan di dalam Undang-undang Tanah itu Keputusan Pemungut Hasil Tanah/ Pendaftar itu muktamad, pihak yang tidak puas hati boleh meminta ulang bicara (Appeal) sama ada kepada Pesuruhjaya Tanah atau Mahkamah.
3. Perkara ini telah berbangkit apakah Pesuruhjaya Tanah dan Galian hadir di Mahkamah dan Tuan Hakim Besar telah membuat teguran di atas perjalanan perbicaraan sama ada di Pejabat in pada masa yang lepas-lepas atau di Pejabat Tanah.
4. Dengan ini saya minta semua Pemungut Hasil Tanah/Pendaftar membuat "Ground of decision" apakah perbicaraan itu diadakan dan diputuskan.

t.t.

(Yusof bin Salim, M.C.S.)  
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil. (1) dlm. PTG.TR. 41/1965.

Salinan kepada:-

Y.B. Setiausaha Kerajaan,  
 Terengganu.  
 Y.B. penasihat Undang-undang Negeri  
 Terengganu.

Kuala Terengganu: 11hb. Februari, 1965.